General

UMPSA terima kunjungan Ketua Pengarah Kerja Raya

Mon, 01/27/2025 - 11:14

PEKAN, 26 Januari 2025 -Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) terima kunjungan Ketua Pengarah Kerja Raya, Datuk Wira Ir. Roslan Ismail yang hadir bersama delegasi Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi mengukuhkan kerjasama di antara JKR dan UMPSA.

Hadir menyambut delegasi, Naib Canselor UMPSA, Profesor Dr. Yatimah Alias, Pendaftar, Dato' Saiful Bahri Ahmad Bakarim, Pengarah Pusat Pembangunan dan Pengurusan Harta (PPPH), Ts. Izwan Ismail dan barisan pengurusan universiti.

Pada pertemuan dalam sesi libat urus itu telah memberi peluang kedua-dua pihak membincangkan isu-isu pelaksanaan projek pembangunan bagi menambah baik proses perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek-projek pembangunan.



Menurut Profesor Dr. Yatimah, universiti bertanggungjawab secara langsung dalam meningkat akses pendidikan berkualiti dan berhasrat untuk melengkapkan infrastruktur berkaitan bidang utama iaitu kejuruteraan dan teknologi di universiti ini.

“UMPSA di Pekan mula beroperasi pada pertengahan tahun 2009 dan pembangunan telah

dijalankan secara berperingkat mengikut peruntukan pembangunan yang diterima serta kini masih dalam peringkat pembangunan 50 peratus.

“Pada masa ini, seramai 4,503 pelajar mengikuti pengajian di UMPSA Pekan dan seramai 5,967 pelajar mengikuti pengajisn di UMPSA Kampus Gambang.

“Justeru, pastinya lebih banyak kerjasama yang akan dilaksanakan bersama pihak JKR,” ujarnya.

Para delegasi turut berpeluang melawat Masjid UMPSA yang telah mula beroperasi pada 3 Julai 2024 yang lalu.
Manakala tapak projek pembangunan Dewan Konvokesyen pula dijangka siap pada April 2026.

Reka bentuk Dewan Konvokesyen yang bertemakan ‘Wau Pungguk’ yang berasal dari Pekan, Pahang ini bakal memuatkan kapasiti seramai 3,500 orang dalam satu masa.

Turut serta Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya, Dato' Ir. Ibrahim Esa, Pengarah Cawangan Kerja Pendidikan (CKP), Dato’ Ir. Dr. Balamurugam a/l A Gopal, dan Pengarah JKR Negeri Pahang, Dato’ Ir. Ts. Hafizah Zakaria.

Disediakan Oleh: Naqiah Puaad, Pusat Komunikasi Korporat

TAGS / KEYWORDS

Ketua Pengarah Kerja Raya

Jabatan Kerja Raya

- 202 views

View PDF